

**Muhyiddin gesa himpunan 9 Julai dibatal sebelum temu Agong**  
**The Malaysian Insider**  
**July 05, 2011**



Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan

ALOR GAJAH, 5 Julai — Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menggesa pengerusi penganjur Himpunan Bersih 9 Julai ini, Datuk S. Ambiga, supaya membatalkan terlebih dahulu rancangan itu sebelum menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin.

“Dengar katanya dia nak menghadap Yang di-Pertuan Agong, Saya fikir elok dibatalkan dulu (perhimpunan haram) sebelum menghadap.

“Nanti tak tau apa yang disembah, nanti jadi sembah derhaka pula,” katanya dipetik Bernama Online.

Semalam, Ambiga berkata beliau bersedia membatalkan perhimpunan haram itu sekiranya dititahkan demikian oleh Tuanku Mizan.

Bagaimanapun, beliau berkata sebarang keputusan akan dibuat selepas mereka diberi perkenan untuk menghadap Seri Paduka Baginda dan beliau berharap ia akan dapat diadakan secepat mungkin.

Muhyiddin berkata perhimpunan hujung minggu ini boleh menjejaskan keamanan dan keharmonian yang dikecapi rakyat berbilang kaum selama ini.

Beliau berkata pembangunan dan kemajuan negara yang dilakukan kerajaan Barisan Nasional adalah untuk diwariskan kepada generasi akan datang.

Sehubungan itu, beliau mengajak rakyat bersama-sama dengan kerajaan untuk mempertahankan keamanan, keharmonian dan kemakmuran negara.

Copyright © 2011 The Malaysian Insider.

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/muhyiddin-gesa-himpunan-9-julai-dibatal-sebelum-temu-agong/>